

## **KONSEP FEMINISME ISLAM DI DALAM FILEM KETIKA CINTA BERTASBIH**

**Oleh:**

Abdullah Yusof,\* Rahimin Affandi Abd. Rahim,\*\*  
Nor Adina Abdul Kadir\*\*\* & Nor Hayati Bt Md Dahlal\*\*\*\*

### **Abstrak:**

*Penerapan mesej dan isu sosial menerusi filem adalah dalam kerangka untuk mendidik dan membangunkan minda masyarakat. Tulisan ini akan memfokuskan unsur-unsur feminisme yang terkandung dalam filem berunsurkan Islam iaitu filem Ketika Cinta Bertasbih arahan Chaerul Umam. Ia mengandungi beberapa kupasan utama. Pertama, pengenalan mengenai apa dan bagaimana konsep feminisme tersebar di dalam masyarakat. Kedua, respon sarjana Islam terhadap konsep feminisme. Ketiga, keistimewaan pemilihan filem ‘Ketika Cinta Bertasbih’ sebagai fokus kajian. Keempat, analisis tema feminism Islam di dalam filem Ketika Cinta Bertasbih. Kelima, kesimpulan. Filem ini mengandungi elemen kesusasteraan melalui penzahiran dan pemakaian perkataan tertentu yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu mesej. Feminisme dalam masyarakat, sama ada masyarakat Melayu atau di luar dari masyarakat Melayu termasuk masyarakat dunia, masih relevan diperkatakan oleh ahli-ahli akademik ataupun dalam penulisan kreatif termasuk dalam filem kerana kepentingan manusia antara lelaki dan perempuan mempunyai perbezaan dalam aspek-aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya. Selain itu, genre filem Islamik membuktikan keindahan Islam itu sendiri yang bersifat sempurna, saling lengkap melengkapi dalam menyelesaikan isu-isu kehidupan.*

**Kata kunci:** Filem Islam, filem Melayu, Feminisme, Ketika Cinta Bertasbih, Chaerul Umam

### **Abstract:**

*The application of message and social issues through films is within the framework of educating and constructing the mindset of the society. This article will focus on the elements of feminism in Islamic movie, Ketika Cinta Bertasbih directed by Chaerul Umam. It contains a number of analyses. Firstly, the introduction to what and how the concept of feminism developed in the society. Second, the responses of Muslim scholars toward the concept of feminism. Third, the uniqueness of the film Ketika Cinta Bertasbih as the focus of the study. Fourth,*

---

\* Abdullah Yusof, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: abdy@um.edu.my.

\*\* Rahimin Affandi Abd. Rahim, merupakan Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: faqir\_ilia\_rabbih@um.edu.my.

\*\*\* Nor Adina Abdul Kadir, M.Us, merupakan Pembantu Penyelidik di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: nor\_adina@yahoo.com.

\*\*\*\* Nor Hayati Bt Md Dahlal, merupakan Pembantu Penyelidik di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: annur\_1909@yahoo.com.

*analysis of the feminism theme in the film and fifth, the conclusion. This film contains the element of literature through the use of certain words in conveying a message. Feminism in the society, whether in the Malay society or other communities is still relevant to be discussed by academicians or in the creative writing circles including film due to the difference in human interests between men and women in aspects such as politics, economy, social and culture. Apart from that, the genre of Islamic film proves the beauty of Islam itself, which is perfect, complementing and solves the issues of life.*

**Keywords:** Islamic film, Malay film, Feminisme, Ketika Cinta Bertasbih, Chaerul Umam

## Pengenalan

Asas utama penulisan ini adalah berkaitan konsep feminisme Islam melalui karya seni filem. Untuk tujuan itu, pemilihan filem Ketika Cinta Bertasbih (KCB) sebagai sumber utama kajian. Sebagaimana yang diketahui, sesuatu hasil sastera ataupun karya seni seperti genre filem adalah hasil imaginasi dan interaksi pengkarya dengan sesuatu pemikiran, ideologi dan realiti masyarakat. Maka, penulisan ini akan cuba meneliti pemahaman penulis skrip dan pengarah filem KCB tentang konsep feminism Islam. Sebagai metodologi asas, kajian ini bakal menggunakan kaedah analisis kritikal (terangkum di dalamnya kaedah pensejarahan, perbandingan dan pengamatan semasa).<sup>1</sup> Dalam menghadapi cabaran globalisasi, Amin Abdullah berpendapat bahawa kehidupan manusia moden amat memerlukan penguasaan ilmu pengetahuan yang lebih holistik.<sup>2</sup>

Selain itu, kaedah *Content Analysis* turut digunakan daripada proses *literature review* terhadap karya primar dan sekundar, serta filem yang menjadi fokus kajian. Dengan cara ini, penulis dapat mengenalpasti beberapa teori penting yang berkaitan dengan media filem ini. Terpenting sekali, kesemua teori pilihan ini akan dikaitkan secara langsung dengan realiti tempatan Malaysia, termasuklah faktor perkembangan semasa yang mempengaruhi tafsiran seseorang individu yang terbabit.<sup>3</sup> Bagi mengelakkan berlakunya pendekatan *opportunist* (hanya tahu menimbulkan masalah), penulisan ini sebaliknya bakal mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan yang sepatutnya. (*solutionist*)<sup>4</sup>. Justeru, bagi mencapai

---

<sup>1</sup> Lihat sebagai contohnya, Maimunah Osman (2004), *Kemahiran Berfikir*, Kuala Lumpur: INTAN, h. 71- 72; Abdul Majid An-Najar (2002), *Kebebasan Berfikir Dalam Islam*, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 57- 58.

<sup>2</sup> Mohd Amin Abdullah (2006), *Islamic Studies di Perguruan Tinggi: Pendekatan Integratif-Interkonektif*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 389-395.

<sup>3</sup> Hassan Ahmad (2006), *Memperkasa Bangsa Melalui Kekuatan Dalaman: Ke arah Kelahiran Melayu Glocal*, Kuala Lumpur: Alaf 21 Sdn Bhd, h. 82-84.

<sup>4</sup> Sila lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim (1999), "Krisis Remaja dan Media Massa di Malaysia: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam" dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 10, h. 125-134.

objektif penulisan ini, penulis sertakan sinopsis filem supaya tidak tersasar dari landasan sebenar penulisan.

### Sinopsis Filem KCB

Habiburahman El Shirazy seorang penulis novel yang berjaya menyentuh hati dan emosi pembaca melalui karya beliau berjudul KCB. Novel ini kemudiannya difilemkan ke layar perak yang diarahkan oleh Chaerul Umam dengan menampilkan watak utama Abdullah Khairul Azzam, 28 tahun, pemuda berasal dari sebuah desa di Jawa Tengah, Indonesia dan seorang mahasiswa yang masih menuntut di Universiti al-Azhar, Mesir sejak 9 tahun. Setelah kematian bapak, menjadi tanggungjawab Azzam sebagai anak sulung ke atas kehidupan keluarganya. Dia terpaksa membahagikan masa kuliah dengan bekerja bagi menampung kehidupan dan keluarganya. Dalam urusan bisnes kecilan dengan menjual tempe dan bakso, Azzam dipertemukan dengan Puteri Duta Besar, iaitu Eliana Pramesthi Alam, lulusan EHESS Perancis yang melanjutkan S-2 nya di American University in Cairo. Eliana merupakan pelakon filem produksi Hollywood serta filem layar lebar dan Sinetron di Jakarta. Hasil daripada perkenalan tersebut membuat Eliana menaruh hati pada Azzam. Bagaimanapun atas nasihat dari Pak Ali, seorang pemandu yang sangat dekat dengan keluarga Eliana menyatakan bahawa Azzam tidak sepadan buat Eliana. Selepas itu Azzam disaran melamar seorang mahasiswi Indonesia bernama Anna Althafunnisa, yang belajar di peringkat S-1 *Kulliyat Banāt* di Alexandria dan sedang mengambil S-2 di *Kulliyat Banāt Al-Azhār*, Cairo. Menurut Pak Ali, kelebihan Anna dari Eliana jauh berbeza kerana Anna memakai jilbab dan solehah, serta daripada keturunan Kiai Pesantren bernama Kyai Luthfi Hakim.

Khaerul Azzam menemui bapak saudara Anna yang berada di Cairo, iaitu Ustaz Mujab untuk melamar Anna walaupun mereka belum pernah bertemu atau melihat Anna. Namun lamaran itu ditolak atas dasar status masih belum selesai S 1 dan asyik dengan jualan tempe dan baso. Selain itu, Anna telah dilamar lebih dulu oleh seorang jejaka, Furqon, sahabat Azzam yang juga mahasiswa dari keluarga kaya dan bakal menyelesaikan S-2 nya. Azzam terpaksa menerima alasan itu, meskipun hatinya cukup sedih dan perit. Sementara Furqon kemudiannya mendapat musibah yang sangat menghancurkan harapan hidupnya iaitu disahkan membawa HIV/AIDS. Namun ini adalah sandiwara akibat satu sendiket permainan Sarah-nama sebenar Golda Olmert (gadis Itali) yang memeras ugut memasukkan sejumlah wang (US 200) ke akaun di Rome, Itali. Sementara itu Ayyatul Husna, adik Azzam yang sering mengirim berita dari kampung, membawa khabar yang cukup meringankan hati Azzam karena Husna telah lulus kuliah di UNS, ia juga sudah bekerja sebagai ahli Psikologi. Kepintaran Husna dalam penulisan sudah cukup untuk membiayai adik-adiknya. Akhirnya Azzam bertekad untuk belajar dan lulus dalam belajar bagi menepati janji kepada keluarganya.

Azzam pulang ke Indonesia menerusi pesawat yang sama dengan Eliana. Ketika itu Anna dan Furqon sedang sibuk untuk membuat persiapan perkahwinan. Jelasnya, diraut wajah Azzam masih tersimpan perasaan pada Anna semasa menghadiri persandingan Anna dan Furqon. Lanjutan daripada filem tersebut, Azzam dinasihati ibunya agar ada inovasi dan prinsip hidup sebagai lulusan al-Azhar. Awalnya dia memulakan perniagaan Bakso Cinta secara kecil-kecilan sehingga besar-besara. Pada masa yang sama dia tidak lupa untuk mendalami ilmu di sebuah pesantren walaupun telah berjaya.

Secara kebetulan Kyai Luthfi Hakim menemui Azzam bagi menggantikan tempatnya mengajar kitab Hikam di masjidnya kerana beliau ada urusan ketika itu. Perkahwinan Anna dan Furqon akhirnya mengundang masalah kerana Furqon dibayangi mimpi ngeri mengidap HIV sedangkan Anna tidak mengetahui hal tersebut. Selama 6 bulan bernikah Anna belum disentuh, akhirnya Anna memohon diceraikan dan Furqon tewas atas permintaan terburu-buru Anna. Azzam pula setelah beberapa gagal dalam soal jodoh mendapat jalan buntu, termasuk kematian ibunya kerana kemalangan. Akhirnya Azzam menemui Kyai yang bersedia menikahkannya dengan Anna selepas maghrib nanti. Anna yang mencuri dengar perbualan itu terus syujud syukur dengan tangisan hiba bercampur gembira. Furqon pula atas desakan bapanya telah berusaha membuat beberapa ujian lagi ke atas darahnya di beberapa makmal di Jakarta, Beijing, Sydney dan Singapura dan akhirnya dia disahkan negatif dari virus HIV. Furqon menemui keluarga Anna untuk merujuk kembali namun perkahwinan Anna-Azzam diketahui melalui telefon ketika berbulan madu. Namun hal Furqon yang dipermainkan sendiket dan sebenarnya tidak menghidap HIV masih tidak diketahui oleh Anna.

### Konsep Feminisme Dan Respon Umat Islam

Mengikut pengamatan semasa, terdapat tiga tipologi tren utama yang membabitkan wacana feminism di Malaysia. Hal ini boleh dikesan berdasarkan kewujudan bentuk penulisan yang dihasilkan, yang terdiri dari;

**Pertama**, tren tradisionalis yang menolak dan menafikan sama sekali kewujudan bias gender di dalam ajaran Islam. Tren ini yang rata-ratanya dipegang kuat oleh kalangan ulama tradisional lulusan institusi pendidikan tradisional menganggap idea feminism adalah pengaruh dari dunia intelektual Barat, diterapkan oleh genre orientalisme Barat yang bertujuan untuk merosakkan dunia umat Islam. Bagi golongan ini, cara dan kaedah terbaik untuk mengatasi isu ini adalah dengan mengamalkan pendekatan *backward looking*, kembali kepada zaman silam yang lebih murni sifatnya, khususnya dengan berpegang kukuh dan mengekalkan warisan sistem fiqh silam. Dengan paradigma ala-tradisionalis ini, mereka tidak mengemukakan jalan penyelesaian secara mikro terhadap masalah dan mengambil sikap simplistik yang mendakwa jalan penyelesaian masalah dapat dibuat dengan mudah, dengan cara merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah serta

kitab *turath* klasik, tanpa disertakan dengan *blueprint* yang lengkap yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia moden.<sup>5</sup>

**Kedua**, tren feminisme yang menerima pakai sepenuhnya pendekatan sekularisme Barat dari segi kandungan dan kaedah perjuangan untuk mencapai matlamat. Golongan ini rata-ratanya terdiri dari golongan wanita berkarier yang mendapat didikan daripada sistem pendidikan liberal Barat dan mendapat pendedahan meluas dari sumber kajian Barat, khususnya yang membabitkan isu feminism. Kemudiannya, dengan pengaruh gerakan kebangkitan semula Islam, idea feminism ala-*Women Liberation* Barat telah mula mendapat sentuhan daripada idea keislaman dan sekaligus berjaya mengubah tren ala-sekularisme golongan ini kepada pendekatan dan penghuraian yang lebih bersifat keislaman.<sup>6</sup>

Namun begitu, masih terdapat lagi sejumlah besar NGO yang bertopengkan Islam yang menerima pakai sepenuhnya fahaman liberalisme Barat. Antara kumpulan yang menganut fahaman liberalism (seperti IKD, *Sisters in Islam* dan *Middle Eastern Studies Group*) dengan menggunakan dana asing Barat (seperti *Asia foundation* dan *Konrad Adenauer Foundation*). Kumpulan ini sering melakukan wacana yang dihadiri oleh semua lapisan masyarakat bagi membincangkan isu-isu yang mengkritik kelemahan sistem *turāth* Islam silam. Lebih penting lagi, kumpulan ini sering menjemput tokoh liberal daripada Indonesia (seperti Luthfi Assyaukanie, Musdah Mulia, Abd Moqsith Ghazali, Kiai Hussein dan sebagainya) Hasilnya, pelbagai isu liberalism yang sering diperbincangkan di Indonesia merangkumi isu penindasan wanita, ketertutupan Islam dengan perkembangan moden dan sikap anti terhadap golongan bukan Islam, turut sama didedahkan kepada anggota wacana.<sup>7</sup> Sebagai contohnya, Luthfi Assyaukanie, menegaskan bahawa sekularisme tidak bercanggah dengan Islam, malah ia memberi berkah kepada Islam dan agama-agama lain. Menurutnya lagi sebuah demokrasi yang baik hanya boleh dilaksanakan jika ia mampu menerapkan prinsip-prinsip sekularisasi yang benar. Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara lain tidak menganggap sekularisme sebagai musuh agama, bahkan pelindung agama. Penerapan yang sebeginilah yang disarankan oleh Luthfi Assyaukanie untuk mendapat berkah sekularisme.<sup>8</sup> Hal ini diikuti juga dengan usaha kumpulan liberal ini yang memterjemah dan membawa masuk buku-buku luar (daripada Timur Tengah, barat dan Indonesia) yang memperjuangkan agenda liberalism dalam soal agama.<sup>9</sup>

<sup>5</sup> Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2001), *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, h. 61-83 & 155.

<sup>6</sup> hal ini boleh dilihat daripada kecenderungan yang ditunjukkan oleh Sisters in Islam, NGO yang memperjuangkan isu feminism, yang secara aktif telah menerbitkan pelbagai buku tentang bias gender dengan tanggapannya bahawa ia dari perspektif Islam.

<sup>7</sup> Dapatkan kajian daripada grant FRGS tahun 2008 FR006/2007A, Bertajuk : *Islam Antara Liberalisme Dan Konservativisme Di Malaysia*.

<sup>8</sup> Luthfi Assyaukanie (2007), *Islam Benar versus Islam Salah, Kata Kita*, Indonesia, h. 241-244.

<sup>9</sup> Antaranya adalah buku Charles Kurzman (1998), *Liberal Islam : A Sourcebook*, New York: Oxford University Press; Abd Hakim Dan Yudi Latif (2007), *Bayang-Bayang Fanatisme: Esai-Esai Untuk Mengenang Nurcholish Madjid*, Jakarta : PSIK (Universitas Paramadina); Ulil Abshar Abdalla (2007),

**Ketiga**, tren reformis-intelektual yang menerima hakikat wujudnya elemen bias gender di dalam Islam. Golongan ini rata-ratanya terdiri daripada lulusan pengajian Islam yang kemudiannya turut mendapat pendedahan daripada sistem pendidikan Islam di Barat<sup>10</sup>. Akibatnya, mereka lebih mengamalkan pendekatan yang selektif terhadap kedua-dua tren, tradisionalis (menolak sama sekali) dan feminis sekularisme (terima pendekatan Barat secara mutlak) di dalam usaha reformasi terhadap isu bias gender. Dalam konteks Malaysia semasa, pandangan dari tren kedua dan ketiga ini telah mempengaruhi dasar kerajaan yang membabitkan program pembangunan wanita. Contohnya boleh dilihat daripada program reformasi perundangan Islam. Bagi penggubal dan perancang Enakmen Kekeluargaan Islam Malaysia (EKIM),<sup>11</sup> bersesuaian dengan prinsip-prinsip reformisme, perancangan draf EKIM yang baru, seperti Enakmen Kekeluargaan Islam Wilayah Persekutuan perlu mengambilkira beberapa semangat yang utama yang menunjukkan kedinamikan syariah berhadapan dengan kehidupan moden. Antaranya<sup>12</sup>:

- 1) keperluan menggunakan sumber rujukan undang-undang Islam yang benar-benar beraotoriti merangkumi al-Qur'an dan al-Sunnah berserta dengan ulasan fuqaha Islam yang muktabar.
- 2) Keperluan untuk mengamalkan sikap yang terbuka di dalam pemilihan pendapat di antara fuqaha Islam tanpa mengira sesuatu mazhab tertentu<sup>13</sup> dan juga penggunaan metode undang-undang sivil moden yang sesuai dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.<sup>14</sup>
- 3) Keperluan untuk mengurangkan kadar penceraian yang tinggi di Malaysia yang dilihat antara lainnya sebagai salah satu faktor utama yang menyebabkan timbul permasalahan sosial yang begitu meruncing.
- 4) Keperluan untuk menjaga kebijakan wanita dan anak-anak daripada sebarang unsur-unsur penindasan dan penderaan.<sup>15</sup>

---

*Menyegarkan Kembali Pemikiran Islam*. Cet.1. Jakarta: Nalar; Ilyas Supena (2002), *Dekonstruksi Dan Rekonstruksi Hukum Islam*, Yogyakarta: Gama Media; Tim Penulis Paramadina (2004), *Fiqh Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina; Budhy Munawar –Rachman (2004), *Islam Pluralis: Wacana Kesetaraan Kaum Beriman*, Jakarta: RajaGrafindo Persada.

<sup>10</sup> Azyumardi Azra (1999), *Islam Reformis: Dinamika Intelektual Dan Gerakan*, Jakarta, h. 193-195; Abdullah Alwi Haji Hassan (2001), "Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah" Dalam *Dinamisme Pengajaran Syariah*, Kuala Lumpur, h. 34-35.

<sup>11</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (1997), "Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti," dalam *Dinamisme Pengajaran Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 99-101.

<sup>12</sup> Donald L. Horowitz (1994), "The Quran and the Common Law: Reform and the Theory of Legal Change", Dalam *The American Journal of Comparative Law*, V. 42, h. 570-571.

<sup>13</sup> Norhashimah Mohd Yasin (1994), *Islamisation or Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia, 1969-1993*, Tesis Ph.D Untuk School Of Law, University Of Warwick, h. 171-173.

<sup>14</sup> Abdul Monir Yaacob (1992), "Syariah as a Source of Malaysian Common Law," dalam *Seminar Syariah Dan Common Law*, Pusat Islam, Kuala Lumpur, Pada 16-17hb. Mei 1992, h. 6-7.

<sup>15</sup> Ahmad Ibrahim (1986), "Recent Legislation on Islamic Law in Malaysia", dalam *The Law Seminar*, IIUM, Petaling Jaya, h. 175.

Di peringkat institusi pengajian tinggi, yang merupakan medan utama perjuangan reformisme, usaha *intellectual discourse* yang berbentuk cabaran dan pendedahan tentang isu bias gender dari sudut pandangan Islam telah dilakukan secara meluas, sama ada dalam bentuk penulisan ilmiah, kajian terhadap isu lapangan dan ceramah-ceramah akademik. Hal ini secara langsung telah mampu menyedarkan kalangan masyarakat kampus yang kemudian diharapkan akan mempengaruhi masyarakat awam dengan cara yang lebih berkesan. Pendek kata, mahasiswa institusi pengajian tinggi ini diharapkan agar menjadi intelektual ummah dan pemankin utama untuk membawa perubahan yang lebih positif membabitkan isu gender ini ke dalam masyarakat.<sup>16</sup>

### Keistimewaan Filem Ketika Cinta Bertasbih

Pemilihan filem KCB sebagai bahan kajian berasaskan kepada beberapa keistimewaan yang dimiliki oleh KCB. Antaranya ialah:

*Pertama;* Dihasilkan oleh novelis iaitu Habiburrahman el-Shirazy yang berpendidikan tinggi daripada IPT Islam yang terkenal di dunia, Universiti al-Azhar. Maknanya, ia dihasilkan oleh seorang sarjana-sasterawan yang mempunyai *world-view* Islam yang cukup jelas dan bersifat holistik, bukannya penulis biasa yang berkarya demi untuk mendapatkan pulangan materian dan populariti murahan semata-mata. Secara jelasnya, KCB ini dihasilkan oleh akal budi manusia yang diilhamkan daripada pengalaman hidup seharian. Ianya merupakan luahan rasa ataupun manifestasi keindahan yang dimiliki oleh elemen dalaman seseorang karyawan.<sup>17</sup>

*Kedua;* KCB adalah karya *Mega Best Seller Novel* dan filem *box office* di Indonesia yang dihasilkan berasaskan pemahaman pengarangnya dengan pelbagai konsep seni Islam yang berjaya diungkap dengan begitu baik.<sup>18</sup> Ia memaparkan soal kehidupan masyarakat Islam Indonesia semasa yang kemudian telah diangkat semula ke layar perak bagi mengisi sesuatu matlamat, seperti pendidikan, penonjolan kehidupan sebenar, menjana pemikiran yang sihat, propaganda dan hiburan sekaligus. Terpenting sekali, media filem KCB ini dengan pemakaian teknologi digital didapati sangat berkesan untuk menyampaikan sesuatu mesej Islam kepada masyarakat, kerana ianya dapat didengar, dilihat dan dirasakan sepenuhnya oleh kalangan penonton.<sup>19</sup>

*Ketiga;* filem ini diarahkan oleh pengarah tersohor iaitu Chaerul Umam dengan dibantu pengarah *casting* terkenal iaitu Deddy Mizwar, tokoh profileman Islam yang amat dihormati di Indonesia.

<sup>16</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2003), “Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM” dalam *Seminar Kebangsaan Memperkasakan System Pendidikan*, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM - Pada 21hb. Oktober 2003.

<sup>17</sup> Mana Sikana (1996), *Falsafah Dan Seni Kreatif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>18</sup> Hatib Abdul Kadir (2009), “Membioskopkan Santri”, *Jurnal Sosiologi Reflektif*, Program Studi Sosiologi, Fakulti Ilmu Social Dan Humaniora, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, h. 37-62.

<sup>19</sup> Mohd. Jamil Sulaiman (1999), “Peluang Ummah Dalam Pembangunan Multimedia”, dalam *Multimedia Dan Islam*, Kuala Lumpur, h. 145-156.

*Keempat;* pemilihan latar tempat yang memiliki nilai sejarah dan budaya Islam yang tinggi. Indonesia mewakili negara umat Islam teramai di dunia dan Universiti al-Azhar adalah institusi pengajian tinggi Islam terulung di dunia yang memiliki sejarah peradaban yang panjang.

Selain mempromosikan beberapa institusi Islam seperti Bank Syariah Mandiri, Rumah Sakit Islam Surakarta, Indonesian Food Festival (di tepi Sungai Nil), Kuwait Airways dan lain-lain.

*Kelima;* filem KCB mengangkat nilai-nilai utama dalam etika sosial iaitu ciri-ciri calon menantu yang memiliki pendidikan tinggi, mengenakan busana muslimah serta aspek kesucian hubungan antara pria dan gadis. Dalam filem ini juga diterapkan nasihat agar tidak melupakan asal-usul dan budaya asal seperti dikir Aceh, tempe, bakso dan sebagainya walaupun hidup berjauhan di negara orang termasuk makan menggunakan tangan. Seterusnya nasihat agar tidak menunjukkan kemewahan dengan tinggal di hotel mewah yang boleh menimbulkan musibah walaupun mampu.

*Keenam;* isu berkaitan teknologi komputer yang boleh dimanfaat seperti menghantar wang menerusi internet dan kesan buruk seperti apabila 11 keping foto porno Furqon telah beredar Amerika dan ugutan wang menerusi emel oleh wanita Itali yang menyamar sebagai Sarah.

*Ketujuh;* medium sastera termasuk persuratan Islam-genre novel boleh dijadikan medium berkesan untuk menyampaikan mesej Islam seperti kecintaan kepada pencipta (Allah). Filem ini sebagai bukti ianya hasil adaptasi novel tulisan Habiburrahman Shirazi, novelis terkemuka Indonesia.

*Kelapan;* penolakan Kyai Lutfi menjadi jurunikah adalah sebagai isyarat dan sindiran bahawa setiap orang perlu memperbetulkan dirinya dulu sebelum menasihati orang lain khususnya dalam bab nasihat perkahwinan. Beliau serba salah kerana ketika itu beliau sendiri tidak mampu menyelamatkan perkahwinan anaknya, inikan pula hendak memberi khutbah nikah yang dimuat unsur-unsur nasihat kepada orang lain. Selain itu, perundingan atau musyawarah adalah langkah terbaik untuk menyelesaikan permasalahan, khasnya antara dua buah keluarga. Keluarga Furqon dan keluarga Anna adalah contoh terbaik.

*Kesembilan;* keistimewaan filem KCB juga boleh dilihat apabila perlunya reformasi dilakukan dalam perkara berkaitan hukum, khasnya perkahwinan demi kebaikan kaum wanita khasnya dengan merujuk sumber-sumber muktabar, bukan berasaskan uruf masyarakat semata-mata. Anna mengenakan dua syarat adalah sebagai bukti ianya tidak dapat disangkal lagi menepati hukum walaupun bercanggah di segi kelaziman. Manakala watak Elyana (akhirnya berjilbab) menonjolkan kelebihan yang ada pada seseorang wanita seperti berpendidikan tinggi, menguasai beberapa bahasa asing dan berasal dari keluarga aristokrat turut digunakan untuk tujuan dakwah dalam filem KCB. Anna juga berkebolehan berbahasa Indonesia, Inggeris, Arab dan Mandarin.

*Kesepuluh;* filem ini juga amat menggalakan agar seseorang itu berusaha, jangan menganggur seperti dialami oleh Azzam, semasa di mesir berjual tempe dan bakso serta ikar bakar, sekembalinya ke kampung terlibat dalam bidang pengangkutan barang, berniaga Bakso Cinta dan memberi kuliah agama di Majid

Kyai Lutfi. Akhirnya dalam menempuh saat bahagia, kita diminta bersyukur kepada Allah dan memohon keberkatanNya seperti solat dahulu sebelum bersama pada malam pertama perkahwinan dan sujud syukur ketika menerima berita baik.

### Analisis Falsafah Dan Konsep Feminisme Dalam Filem KCB

Apabila mengkaji keseluruhan kandungan KCB, kita dapat mengesahkan beberapa perkara yang kesemuanya bertepatan dengan prinsip feminisme Islam. Ianya terdiri daripada;

**Pertama**, pengaruh budaya ilmu terhadap watak seseorang wanita Islam-peranan ilmu yang melahirkan watak wanita Islam yang yang celek ilmu, kritikal dan seimbang. Hal ini boleh dilihat daripada paparan cerita dan watak yang terdapat di dalam KCB;

- 1) Kesemua watak di dalam KCB memberikan keutamaan hidup kepada usaha menuntut ilmu samada secara formal (di Universiti Azhar) ataupun tidak formal (di masjid kepunyaan Kiai Lutfi).
- 2) Kebanyakan watak utama dalam KCB berusaha gigih meneruskan pengajian di peringkat ijazah pertama dan pasca siswazah. Apa yang jelasnya, pendidikan tinggi agama yang diperolehi oleh Anna telah mempengaruhi watak Anna sehingga mampu menjadi medarator di dalam seminar ilmiah yang berlangsung di Universiti Azhar dan majlis bedah buku Ayatul Husna.
- 3) Kemampuan Ayatul Husna (adik kepada Azzam) menjadi penulis yang berjaya. Hal ini bersesuaian dengan sifat kewanitaan yang lembut sehingga beliau mampu menjadi penulis yang baik berbanding dengan watak seseorang lelaki. Dalam soal ini, kita boleh bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Azizan Baharuddin dan Saedah Siraj bahawa watak feminin wanita mampu berfungsi dengan baik dalam beberapa bidang yang gagal ditandingi oleh lelaki sendiri.<sup>20</sup> Berbanding dengan golongan lelaki, wanita telah dianugerahkan tuhan sebagai insan yang terbaik untuk memainkan watak sebagai ibu dengan segala elemen spiritual, emosi, penyayang, bertimbang rasa, lemah lembut, pendidik yang tabah, pemaaf, pendengar yang terbaik, penyejuk jiwa, pemujuk yang baik dan banyak lagi. Semua sifat-sifat ini boleh digunakan sebagai mekanisme terbaik untuk proses pembentukan keluarga Islam yang sejati. Peranan ini walaupun dianggap sebagai remeh oleh sesetengah wanita moden, tetapi ianya boleh dikatakan benteng, penapis dan harapan terakhir untuk proses pembentukan keluarga mithali, lebih-lebih lagi berhadapan dengan krisis sosial remaja semasa yang menyaksikan unsur perosak lebih banyak dibandingkan dengan unsur pendidik.<sup>21</sup> Sebagai buktinya, kita boleh memetik kata-kata Ayatul Husna semasa dianugerahkan sebagai pemenang hadiah cerpen terbaik, jelas memperlihatkan ketinggian pemahaman beliau dengan hakikat makrifat Allah. Beliau mengungkapkan;

<sup>20</sup> Azizan Baharuddin (1985), *Wanita: Hakikat Dan Realiti*, Kuala Lumpur: IKD, h. 33-56.

<sup>21</sup> Saedah Siraj (2001), *Pendidikan Rumahtangga*, Kuala Lumpur, h. 3-5.

*Kau menyayangiku seperti matahari menyayangi titah tuhannya  
Tidak pernah letih membahagi cerahnya cahaya  
Tidak pernah letih menghangatkan jiwa  
Kau menyayangiku seperti bunga mencintai titah tuhannya  
Tidak pernah letih menebar mekar aroma bahagia  
Tidak pernah letih meneduhkan gelisah nyala.*

- 4) Babak (*scene*) syarat perkahwinan yang diberikan oleh Anna kepada Furqan secara jelas membuktikan bahawa Anna memang berpendidikan tinggi dalam soal agama. Beliau telah mengemukakan bukti syarat yang diminta adalah tidak keterlaluan berpandukan kitab fiqh Ibn Qutaybah.
- 5) Sebagai manusia biasa Anna memang mempunyai sifat emosi-cemburu dengan berita yang disampaikan oleh Furqan bahawa beliau telah dijangkiti dengan penyakit atau virus HIV. Namun sifat cemburu Anna ini berjaya dikurangkan berpandukan syariah Islam.

Dalam menangani isu feminime, kita terpaksa menggunakan pendekatan realisme dengan mengakui bahawa memang terdapat elemen bias gender yang cukup ketara di dalam warisan *turath* Islam silam, khususnya fiqh munakahat dan politik. Hal ini boleh dirujuk kepada dua elemen yang utama; pertamanya, wujudnya pandangan yang dinisbahkan kepada Islam tentang keburukan diri wanita dan keduanya diperkuatkan lagi dengan wujudnya sejumlah besar tafsir dan hadis yang berbentuk misognis (merendahkan status wanita). Secara jelas, kedua-dua elemen ini pada matlamat akhirnya : untuk menafikan kredibiliti wanita sebagai pemimpin. Secara terperincinya, kita boleh memecahkan kedua elemen ini dalam beberapa jenis yang utama;

- 1) pandangan yang merendahkan kedudukan wanita sebagai insan yang lemah akal dan berasal dari asas kejadian yang buruk (tulang rusuk).<sup>22</sup> Bertitik tolak kepada dua perkara ini menyebabkan timbul dakwaan bahawa golongan wanita tidak boleh memegang sesuatu jawatan yang penting di dalam masyarakat.<sup>23</sup>
- 2) pandangan yang berat sebelah dalam institusi nikah yang kerap menganggap golongan isteri sebagai objek yang lebih rendah daripada suami. Hal ini boleh dilihat dari tindakan yang membebankan tugas isteri kepada peranan domestik (kerja rumah) tanpa dibantu oleh suami.<sup>24</sup>
- 3) Memperbetulkan nisbah buruk yang menganggap wanita sebagai punca segala keburukan yang timbul di dalam masyarakat.<sup>25</sup>

<sup>22</sup> Syafiq Hashim (2001), *Hal-Hal Yang Tak Terfikirkan; Tentang Isu-Isu Keperempuanan Dalam Islam*, Bandung: Pustaka Mizan, h. 51-54.

<sup>23</sup> Ibid, h. 190-192.

<sup>24</sup> Ibid, h. 150-152.

<sup>25</sup> Muhammad Hasbi Umar (2002), "Paradigma Baru Teologi Perempuan (Upaya Mewujudkan Kesamaan Gender Di Dalam Islam)", dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, Jilid 7, h. 101-105.

- 4) Pandangan yang menyatakan wanita adalah pelengkap keinginan nafsu golongan lelaki.<sup>26</sup>

Pada dasarnya, kita terpaksa menerima hakikat bahawa soal penindasan wanita memang berlaku di dalam masyarakat, yang rata-ratanya dipelopori oleh golongan lelaki yang kemudiannya telah diabsahkan secara salah oleh sesuatu agama dan sosiologi masyarakat.<sup>27</sup> Berbanding dengan agama selain Islam, ternyata secara tegasnya Islam adalah agama yang menekankan usaha mengangkat martabat wanita yang digambarkan mempunyai persamaan hak di sisi Allah. Apa yang jelasnya, usaha yang mengungkit isu-isu penindasan wanita memang dialu-alukan oleh kebanyakan sarjana Islam,<sup>28</sup> malahan isu ini telah dijadikan penekanan utama oleh gerakan Islam moden<sup>29</sup> setelah didapati melalui pengamatan ulamak Islam persoalan penindasan wanita ini memang wujud di dalam masyarakat akibat dari pendekatan song sang yang diamalkan oleh proses sosiologi pendidikan keluarga masyarakat moden, ditambah pula dengan pentafsiran ulamak yang rata-ratanya turut terpengaruh dengan sosiologi yang bias lelaki ini.<sup>30</sup>

**Kedua**, penerangan tentang konsep cinta Islam yang sejati. Berbanding dengan konsep cinta Barat mengakui hubungan/ interaksi dalaman diri manusia seperti rasa cinta, kecewa dan resah yang perlu diatur mengikut perspektif sekular - punca yang menyebabkan manusia Barat mengalami kekeringan jiwa yang amat teruk.<sup>31</sup> Dalam Islam masalah internal dalam diri manusia perlu diatur menggunakan ilmu tasawuf. Dalam Islam, konsep cinta ternyata agak berbeza dengan pandangan sekular Barat. Ianya terdiri dari;<sup>32</sup>

- 1) hiraki cinta ; cinta sejati hanya dengan Allah dan keluarga. Cinta dengan makhluk bersifat relatif dan tidak bersifat abadi.
- 2) hakikat cinta sejati hanya dicapai dengan mati yang dapat berjumpa Allah. Jadi, setiap manusia perlu mempersiapkan diri dengan kaedah terbaik sebelum bersiap untuk menemui Allah.
- 3) Cinta sejati memerlukan keindahan, pengorbanan, tanggungjawab dan wajib mematuhi syariat Islam.
- 4) Orang yang dicintai Allah pasti akan diuji untuk tujuan Allah mengangkat martabatnya di sisi Allah.

---

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (2001), "Persoalan Gender di dalam Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisis Ringkas", dalam *Wanita Dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, h. 1-2.

<sup>28</sup> Ibid, h. 9-12.

<sup>29</sup> Najib Ghadbian (1996), "Islamists and Women in the Arab World: From Reaction to Reform", dalam *The American Journal of Social Sciences*, V. 12, No. 1, h. 19-35.

<sup>30</sup> Lihat Siti Ruhaini Dzuhayatin (2002), "Pergulatan Pemikiran Feminis Dalam Wacana Islam", dalam *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam*, Yogyakarta, h. 3-26.

<sup>31</sup> Ali Maksum (2003), *Tasawuf Sebagai Pembebasan Manusia Modern: Telah Signifikansi Konsep Tradisionalisme Islam Sayyed Hossein Nasr*, Surabaya: Pustaka Pelajar, h. 70-87.

<sup>32</sup> Pahrrol Mohd Juoi (2006), *Tentang Cinta*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

- 5) Cinta dikaitkan dengan maqam nafsu lawamah (sifat nafsu dalam diri manusia yang melakukan muhasabah diri (proses *review*) dengan segala kesalahan diri.

Berbeza dengan realiti semasa yang seolah-olahnya membenarkan pemakaian konsep cinta yang berteraskan nafsu serakah manusia semata-mata, filem KCB telah memperlihatkan beberapa kelainan dalam konsep cinta ini. Ianya lebih bersifat sederhana tanpa merugikan golongan wanita. Antaranya;

- 1) perasaan cinta Anna dan Elyana kepada Azzam tercetus bukan kerana rupa paras dan kekayaan material, tetapi kerana sifat budiman Azzam yang sudi menolongnya tanpa mengharapkan balasan,
- 2) Tidak dipaparkan elemen pergaulan bebas walaupun bagi pasangan yang dilamun cinta. Hal ini boleh dilihat daripada tindakan Azzam yang menolak pelawaan ciuman daripada elyana,
- 3) Idealisme dakwah sangat diutamakan, terbukti dengan dialog Furqan yang terpikat kepada Elyana kerana potensi kemahiran bahasa English dan Perancis yang dimiliki oleh Elyana, yang boleh diguna untuk tujuan dakwah Islam.
- 4) Kreteria pemilihan calon suami yang sangat diutamakan adalah seseorang yang memiliki pengetahuan agama yang mendalam, di samping isu akhlak yang terpuji
- 5) Keindahan yang diperolehi dengan fenomena cinta yang tidak terucap di antara Azzam dan Anna.
- 6) Hiraki cinta tertinggi, kepada Allah boleh mengubati sebarang permasalahan hidup manusia, termasuklah mengatasi masalah mengalami kekecewaan dalam bercinta.

**Ketiga**, adab untuk hubungan kemasyarakatan sesama mahkluk. Lebih khusus lagi ia sangat menekankan ketaatan kepada ibubapa yang menjadi teras kekuatan sistem kekeluargaan Islam. Hal ini boleh dilihat dalam beberapa babak (scene), seperti;

1. Adab yang membenarkan wanita Islam bekerja di dalam semua lapangan hidup dengan syarat ianya dibuat berasaskan lunas-lunas Islam yang sejati.<sup>33</sup> Hal ini boleh dilihat daripada paparan watak Ayatul Husna yang bekerja sebagai anggota di pusat penyiaran radio bagi menampung keperluan keluarganya.
2. Wujudnya sosiologi masyarakat Islam yang tidak mengamalkan pendekatan bias gender dalam kehidupan sehari-hari.
3. Kiai Lutfi memberikan kebebasan untuk Anna memilih jodoh sepenuhnya.
4. Ustaz Zulkifli yang meminang Ayatul Husna akur dengan keputusannya untuk menangguhkan perkahwinan sehingga menunggu saat Azzam benar-benar daripada kemalangan.

---

<sup>33</sup> Cik Hasan Bisri (2003), *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh dan Fiqh Penelitian*, Bogor: Penerbitan Kencana, h. 64.

5. Penekanan bahawa konsep menutup aurat bagi wanita Islam adalah untuk tujuan menjaga martabat dan maruah wanita, dan bukannya merendahkan martabat wanita seperti difahami oleh masyarakat barat.

Penetapan falsafah dalam filem KCB ini sekali gus dapat menyedarkan kalangan wanita Islam untuk menolak pandangan feminism Barat yang menolak institusi perkahwinan, bagi seseorang wanita yang ingin berkarier dan menceburti bidang kemasyarakatan. Bagi golongan feminis Barat, wanita yang moden perlu meninggalkan institusi perkahwinan yang dianggap telah dicipta oleh budaya patriarki untuk menindas dan memerangkap golongan wanita agar menjadi hamba sex kepada lelaki. Apabila seseorang wanita berkahwin, mereka secara pasti terpaksa terlibat di dalam aktiviti domestik (di dalam rumah) tanpa diberikan apa-apa bayaran. Maknanya selain dari tugas biasa di pejabat, seseorang wanita yang berkahwin terpaksa mengandung, melahirkan dan mendidik anak, di samping terpaksa melakukan tugas-tugas sebagai surirumah.<sup>34</sup> Sebagai gantinya, golongan wanita digalakkan untuk menjadi karier woman sepenuh masa demi untuk mobiliti diri sendiri dan patut mengamalkan sex bebas tanpa sebarang ikatan untuk memenuhi keperluan naluri kelamin mereka.<sup>35</sup>

Walaupun pandangan ini kelihatannya agak keterlaluan jika dilihat dari konteks masyarakat Melayu, tetapi dilihat dari perkembangan semasa, pandangan ini sedikit sebanyak telah diterima oleh sesetengah kalangan wanita di Malaysia.<sup>36</sup> Untuk berhadapan dengan pandangan ini, kalangan sarjana Islam perlu mampu menonjolkan sifat dinamisme institusi perkahwinan di dalam Islam, yang tidak hanya mementingkan keperluan materialism semata-mata bahkan turut menekankan kepentingan mewujudkan sebuah keluarga mithali yang mampu melahir dan mendidik zuriat keturunan yang berakhhlak mulia.

## Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir, dapat ditegaskan bahawa elemen feminism Islam telah diterapkan secara langsung dan tidak langsung di dalam filem KCB. Sesuai dengan sifat *al-rahmah* ajaran Islam, kesemua intipati Islam memang membela golongan wanita sepenuhnya. Sekiranya memang wujud penindasan terhadap wanita, ianya dibuat bukan berdasarkan *world-view* ajaran Islam yang sejati. Setakat yang telah diterangkan dengan panjang lebar di dalam penulisan ini, boleh dikatakan semua elemen yang terkandung dalam filem KCB memang bersifat mesra wanita, disamping bertepatan dengan *world-view* dan idealism Islam sejati.

<sup>34</sup> Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah (2003), “Emansipasi Wanita Di Abad 21: Islam Sebagai Model Perjuangan”, dalam *Multaqa Ulama Sedunia*, Anjuran YADIM, di Putrajaya Pada 10-12hb. Julai 2003, h. 9-11.

<sup>35</sup> Zeenath Kausar (2001), *Feminist Sexual Politics and Family Deconstruction: An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur, h. 77-104.

<sup>36</sup> Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*, Jakarta: Gema Insani, h. 184-187.

Lebih menarik lagi, KCB ini menggunakan pendekatan realism berasaskan realiti Indonesia semasa. Ia mampu menunjukkan sifat damai, anti keganasan dan mandiri yang diamalkan oleh pelajar Islam di IPT Islam tertua dunia iaitu Universiti al-Azhar. Ia sekaligus mampu memperbetulkan salahfaham yang dinisbahkan kepada graduan pengijian Islam oleh media barat, yang kemudiannya mendapat dokongan masyarakat Islam sendiri. Atas dasar ini tidak hairan lah filem KCB telah menjadi mendapat sambutan hangat (*Box office*) di Indonesia dan Malaysia sendiri.

## Rujukan

- Abuddin Nata (2000), *Metodologi Studi Islam*, Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- Ahmad Ibrahim (1986), “Recent Legislation on Islamic Law in Malaysia”, dalam *The Law Seminar*, IIUM, Petaling Jaya.
- Abd Hakim Dan Yudi Latif (2007), *Bayang-Bayang Fanatisme: Esai-Esai Untuk Mengenang Nurcholish Madjid*, Jakarta: PSIK (Universitas Paramadina).
- Abdullah Alwi Haji Hassan (2001), “Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah,” dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Majid An- Najar (2002), *Kebebasan Berfikir Dalam Islam*, Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Monir Yaacob (1992), “Syariah as a Source of Malaysian Common Law”, dalam *Seminar Syariah Dan Common Law*, Kuala Lumpur: Pusat Islam, Pada 16-17hb. Mei 1992.
- Abdul Mujib (1999), *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*, Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*, Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Shukri Mohd. Naim (2003), *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*, Skudai: Penerbit UTM.
- Ali Maksum (2003), *Tasawuf Sebagai Pembebasan Manusia Modern: Telaah Signifikansi Konsep Tradisionalisme Islam Sayyed Hossein Nasr*, Surabaya: Pustaka Pelajar.
- Azizan Baharuddin (1985), *Wanita: Hakikat Dan Realiti*, Kuala Lumpur: IKD.
- Azyumardi Azra (1999), *Islam Reformis: Dinamika Intelektual Dan Gerakan*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Budhy Munawar-Rachman (2004), *Islam Pluralis: Wacana Kesetaraan Kaum Beriman*, Jakarta: RajaGrafindo Persada.

- Cik Hasan Bisri (2003), *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh Dan Fiqh Penelitian*, Bogor: Penerbitan Kencana.
- Gerges, Fawaz A. (1999), *America and Political Islam; Clash of Cultures or Clash of Interest*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghadbian, Najib (1996), “Islamists and Women in the Arab World: From Reaction To Reform”, dalam *The American Journal Of Social Sciences*, V. 12, No. 1.
- Hassan Ahmad (2006), *Memperkasa Bangsa Melalui Kekuatan Dalaman: Ke arah Kelahiran Melayu Glocal*, Kuala Lumpur: Alaf 21 Sdn Bhd.
- Heath, Peter (1996), “Some American Perceptions of Developing Muslim Countries”, Aidit Haji Ghazali (ed.), *Development, Islamic, Malaysian and American Perspectives*, Kuala Lumpur: INMIND.
- Hamid Fahmy Zarkasyi (2004), *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*, Surabaya: Penerbit Khairul Bayan.
- Hatib Abdul Kadir (2009), “Membioskopkan Santri”, *Jurnal Sosiologi Reflektif*, Program Studi Sosiologi, Fakulti Ilmu Social Dan Humaniora, Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Horowitz, Donald L. (1994), “The Quran and the Common Law: Reform and the Theory of Legal Change”, dalam *The American Journal of Comparative Law*, V. 42.
- Huntington, S. (1993), “The Clash of civilizations”, dalam *Foreign Affairs*, Summer 1993.
- Ilyas Supena (2002), *Dekonstruksi Dan Rekonstruksi Hukum Islam*, Yogyakarta: Gama Media.
- Kausar, Zeenath (2001), *Feminist Sexual Politics and Family Deconstruction: An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurzman, Charles (1998), *Liberal Islam: A Sourcebook*, New York: Oxford University Press.
- Lewis, Bernard (1993), “Islam and Liberal Democracy”, dalam *Atlantic Monthly*, Februari 1993.
- \_\_\_\_\_(1990), “The roots of Muslim rage”, dalam *Atlantic Monthly*, September 1990.
- Luthfi Assyaukanie (2007), *Islam Benar versus Islam Salah, Kata Kita*, Jakarta: Universitas Paramadina.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2001), *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Majid Ersan Kailani (1997), *Mendidik Peribadi*, Muhammad Firdaus (terj.), Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Majid Ersan Kailani (2000), *Kebangkitan Generasi Salahuddin Dan Kembalinya Jerusalem ke Pangkuhan Islam*, Abdullah Abbas (terj.), Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Maimunah Osman (2004), *Kemahiran Berfikir*, Kuala Lumpur: INTAN.
- Mana Sikana (1996), *Falsafah Dan Seni Kreatif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyami Ibrahim (2009), *Konteks Sastera Dan Budaya Melayu*, Shah Alam: Karisma Publication.
- Mohd Affandi Hassan (2005), *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Amin Abdullah (2006), *Islamic Studies Di Perguruan Tinggi: Pendekatan Integrative-Interkonektif*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mohd. Azizuddin Mohd. Sani (2002), *Hak Asasi Manusia Menurut Pandangan Islam Dan Barat*, Kuala Lumpur: Penerbitan PTS.
- Mohd. Jamil Sulaiman (1999), “Peluang Ummah Dalam Pembangunan Multimedia”, dalam *Multimedia Dan Islam*, Kuala Lumpur.
- Muh. Ammad Abu Bakar (1993) “Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial”, Dalam *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hasbi Umar (2002), “Paradigma Baru Teologi Perempuan (Upaya Mewujudkan Kesamaan Gender di dalam Islam)”, dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, Jilid 7.
- Muhammad Kamal Hasan (1996), *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Newby, Gordon D. (1996), “Muslim/non-Muslim relations: lesson from the past for a better future”, dalam Aidit Haji Ghazali (ed.), *Development, Islamic, Malaysian and American Perspectives*, Kuala Lumpur: INMIND.
- Nor Azlin Hamidon (2000), “Sikap Islam terhadap isu seni figurative”, dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 12.
- Norhashimah Mohd Yasin (1994), *Islamisation or Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia, 1969-1993*, Tesis Ph.D Untuk School Of Law, University Of Warwick.
- Pahrol Mohd Juoi (2006), *Tentang Cinta*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

- Rahimin Affandi Abdul Rahim (1997), “Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti” Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- \_\_\_\_\_(1999), “Krisis Remaja Dan Media Massa Di Malaysia: Suatu Tinjauan Dari Perspektif Islam”, Dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 10.
- \_\_\_\_\_(2000), “Etika Penyelidikan Islam: Suatu Analisa”, Dalam *Jurnal Afskar*, V. 1.
- \_\_\_\_\_(2001), “Persoalan Gender Di Dalam Perundangan Islam Di Malaysia: Satu Analisis Ringkas”, dalam *Wanita Dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers.
- \_\_\_\_\_(2006), “Islam Dan Dialog Peradaban: Konsep Dan Idealisme”, dalam Azizan Baharuddin (ed.), *Islam Dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban UM.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2003) “Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM”, dalam *Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan*, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM, pada 21hb. Oktober 2003.
- Saedah Siraj (2001), *Perkembangan Kurikulum: Teori Dan Amalan*, Sungai Buloh: Selangor.
- \_\_\_\_\_(2001), *Pendidikan Rumahtangga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar (1995), “Takmilah: Teori Sastera Islam”, Dalam *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Ruhaini Dzuhayatin (2002), “Pergulatan Pemikiran Feminis Dalam Wacana Islam”, Dalam *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam*, Yogyakarta.
- Syafiq Hashim (2001), *Hal-Hal Yang Tak Terfikirkan: Tentang Isu-Isu Keperempuanan Dalam Islam*, Bandung: Pustaka Mizan.
- Tim Penulis Paramadina (2004), *Fiqh Lintas Agama: Membangun Masyarakat Inklusif-Pluralis*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Ulil Abshar Abdalla (2007), *Menyegarkan Kembali Pemikiran Islam*. Cet.1. Jakarta: Nalar.
- Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah (2003), “Emansipasi Wanita Di Abad 21: Islam Sebagai Model Perjuangan”, dalam *Multaqa Ulama Sedunia*, Anjuran YADIM, di Putrajaya pada 10-12hb. Julai 2003.